

CNS8281

U GB 01-03 00172 BH881

AAB

Mahathir - Dasar

I

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia akan mempercepatkan pembangunan perindustriannya sebagai salah satu cara untuk mencapai matlamatnya menjadi sebuah negara maju.

Dasar ini perlu bagi menjamin pertumbuhan perindustrian yang kuat bagi mengatasi masalah asas perkilangan yang kecil yang terdiri daripada elektrik, elektronik dan tekstil kini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menggariskan rancangan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam tempoh 30 tahun dari sekarang, berkata: +Pada tahun-tahun akan datang akan ada Dasar Mempercepatkan Perindustrian, yang bukan berdasarkan dengan kekaguman kita terhadap perindustrian tetapi berdasarkan kenyataan bahawa bagi membangun dengan cepat, inilah caranya.+

Kertas kerja beliau: +Malaysia: Melangkah Ke Hadapan+ dibentangkan pada mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia di sini semalam tetapi dikeluarkan kepada akhbar hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata Malaysia akan terus memberikan penekanan kepada pertumbuhan sektor swasta dan bergantung kepadanya untuk menggerakkan pertumbuhan, sambil menyifatkannya sebagai +formula kejayaan+, yang tidak boleh diabaikan oleh sebarang negara. -- Lagi

♥01/03/19-21MST

CNS8284

U GB 01-03 00133 BH882

AAB

Mahathir - Dasar 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus menghapuskan +peraturan yang tidak produktif+ pada masa depan, begitu juga dengan pembabitannya dalam perniagaan tetapi akan menjamin pengurusan fiskal dan kewangan yang sihat serta perjalanan ekonomi yang licin.

Penswastaan jabatan-jabatan kerajaan akan terus menjadi perkara utama strategi pembangunan dan kecekapan negara tetapi kepentingan umum dan keperluan menyediakan perkhidmatan penting untuk golongan miskin akan dilindungi, tambah beliau.

Tegasnya bantuan yang mencukupi akan terus diberikan kepada pembangunan industri kecil dan sederhana.

Perdana Menteri juga mahukan para pengeksport Malaysia mencari pasaran baru dan memperolehi kepakaran, hubungan dan pendekatan baru bagi memperluaskan perniagaan mereka.

Katanya, keutamaan akan terus diberikan kepada pengaliran pelaburan asing bagi memperkukuhkan sektor perindustrian. -- Lagi

♥01/03/19-22MST

CNS8286

U GB 01-03 00173 BH883

AAB

Mahathir - Dasar 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga menggariskan pembangunan sumber tenaga manusia -- bakat, kreativiti, kemahiran dan kehendak manusia -- sebagai faktor paling penting bagi pertumbuhan berterusan ekonomi Malaysia.

+Walaupun Malaysia mempunyai salah satu sistem pendidikan yang terbaik dalam Dunia Ketiga, tahap baru perlu disusun bagi mencapai matlamat yang lebih tinggi,+ katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan tentang perlunya membawa Bumiputera, yang merupakan separuh daripada penduduk Malaysia, ke dalam arus utama ekonomi.

Mengenai inflasi, katanya, tiada yang lebih penting daripada pendidikan dan disiplin di kalangan rakyat dan menambah kata bahawa rakyat mesti faham punca inflasi dan cara mengatasinya.

Sektor pertanian dan perkhidmatan juga perlu selangkah dengan peningkatan sektor perkilangan.

Rakyat Malaysia juga perlu kaya dengan maklumat sesuai dengan zaman maklumat sekarang.

Dalam hubungan antarabangsa, Datuk Seri Dr Mahathir menggesa supaya dikurangkan penekanan kepada politik dan ideologi sebaliknya ditumpukan kepada ekonomi.

Dalam hal ini, katanya, Malaysia mesti berusaha mempengaruhi arah perdagangan antarabangsa. -- Bernama

♥01/03/19-22MST